

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR
BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**

TARIKH : 17 JUN 2015 [RABU]

SOALAN :

**YB Tuan Shamsul Iskandar Bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah Penolong Pendaftar Pemilih Suruhajaya Pilihan Raya di seluruh negara hari ini serta badan yang diwakili; dan
- (b) mengapakah wakil parti politik tidak dilantik sebagai Penolong Pendaftar Pemilih sedangkan agensi yang mempunyai kaitan dengan Barisan Nasional seperti KEMAS dan JASA dilantik.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Penolong Pendaftar Pemilih yang masih sah pelantikannya sehingga bulan April 2015 adalah 5,315 orang. Ia terdiri daripada Penolong Pendaftar Pemilih yang dilantik di kalangan wakil parti politik, wakil jabatan Kerajaan, wakil pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan wakil universiti.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) boleh melantik pegawai-pegawai daripada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) sebagai Penolong Pendaftar Pemilih di bawah kategori wakil jabatan Kerajaan. Ini adalah selaras dengan kategori pelantikan Penolong Pendaftar Pemilih yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelantikan Penolong Pendaftar Pemilih Untuk Membantu SPR Dalam Urusan Pendaftaran Pemilih.

Di samping itu, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di Kuanter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat-Pejabat Pos yang terpilih serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI
BIN BAHAROM
(KUBANG PASU)**

TARIKH : 17.06.2015 (RABU)

SOALAN : 84

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :

Tentang Program Transformasi yang telah dilaksanakan oleh Kementerian itu yang bersangkutan dengan pembinaan kerohanian rakyat negara ini. Misalnya, program yang telah dilaksanakan oleh KEMAS, apakah ia menepati fungsi penubuhan agensi-agensi itu.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Di bawah Program Transformasi, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sebagai sebuah jabatan di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah berperanan untuk terus memberi tumpuan membangunkan komuniti luar bandar melalui program-program pendampingan secara berterusan dalam aspek sosial, ekonomi dan kerohanian.

Dalam proses **pemantapan kerohanian masyarakat luar bandar**, KEMAS juga telah membuka kelas-kelas kerohanian yang dikenali sebagai kelas Bina Insan. Kelas ini dihadiri oleh pelbagai lapisan masyarakat dari golongan muda dan tua. Sebanyak 2,197 buah kelas telah dibuka di seluruh Malaysia dengan bilangan peserta seramai 44,208 orang. Kelas Bina Insan ini dikendalikan oleh Penyelia dan Pemaju Masyarakat Bina Insan. Sukatan pengajaran dan pembelajaran di kelas ini berasaskan kurikulum 5 bidang yang merangkumi pendidikan kecemerlangan diri, pendidikan kekeluargaan, pendidikan kesihatan, pendidikan sosial dan pendidikan ekonomi.

Dari aspek **pemantapan amalan fardhu kifayah** pula, KEMAS terus melaksanakan program-program khusus seperti Kursus Pengurusan Jenazah atau lebih dikenali dengan nama Program Raudhatul Jannah. Program ini dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat berkaitan cara pengurusan jenazah yang betul dan tepat mengikut syariat Islam. Sesi pengajaran bukan hanya dibuat secara teori, malah praktikal pengurusan jenazah juga turut dilakukan bagi memastikan masyarakat memahaminya dan dapat melaksanakan fardhu kifayah ini dengan sempurna. Pelaksanaan program ini dilihat penting kerana ianya menepati keadaan semasa generasi kini yang semakin sibuk dengan kerjaya.

Bagi memberi pendedahan kepada masyarakat **tentang kepentingan makanan halal dalam kehidupan,** Kursus Penyembelihan juga turut dilaksanakan oleh KEMAS. Melalui program ini, masyarakat akan didedahkan dengan ilmu pengetahuan berkaitan teknik dan syarat-syarat sah penyembelihan di dalam Islam. Perkongsian secara teori dan praktikal memberikan kefahaman yang lebih

mendalam terhadap ilmu dan kemahiran penyembelihan mengikut hukum syarak. Program ini amat penting bagi pemantapan ajaran Islam kepada masyarakat Muslim di Malaysia dalam pemilihan makanan halal mengikut ajaran Islam.

Pemantapan syiar Islam dikalangan masyarakat luar bandar juga dititikberatkan oleh KEMAS. Oleh itu KEMAS telah menubuhkan Kumpulan pemantapan syiar Islam merangkumi kumpulan bacaan yassin, tahlil, marhaban, kom pang, burdah dan nasyid. Sehingga kini, sebanyak 3,181 buah kumpulan telah ditubuhkan dengan penglibatan seramai 53,722 orang peserta. Tujuan utama penubuhan kumpulan ini adalah untuk menaikkan minat generasi muda kepada program kerohanian selain daripada memastikan mereka tidak terjerumus dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan boleh merosakkan diri mereka.

KEMAS juga memberi tumpuan khusus kepada **pemantapan Fardhu Ain dikalangan kanak-kanak di Tabika KEMAS** dengan menerapkan modul Ibadah dan Al-Quran dibawah program Penghayatan Pendidikan Islam (PPI). Melalui program ini kanak-

kanak Muslim didedahkan kepada perkara asas Fardhu Ain supaya dapat mengimbangi aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum yang lain. Sehingga kini sebanyak 600 buah Tabika telah memulakan projek perintis (PPI) pada Tahun 2015, sebelum diperluaskan ke seluruh Negara.

Kesemua program-program pemantapan kerohanian yang dilaksanakan oleh KEMAS ini adalah selaras dengan fungsi penubuhan KEMAS bagi membangunkan komuniti luar bandar dalam aspek kerohanian bersama-sama aspek-aspek sosial dan ekonomi yang lain.